

08/10/1997

Usahawan digalak guna alat vending

Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan usahawan negara terbabit secara langsung dalam kegiatan perniagaan menggunakan mesin vending sejajar dengan kemajuan negara kini.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata perniagaan membabitkan mesin berkenaan belum meluas di negara ini berbanding negara luar seperti Amerika Syarikat, negara Eropah, Jepun dan Taiwan.

"Penggunaan mesin berkenaan di negara ini hanya tertumpu kepada menjual minuman sama ada dalam tin atau cawan. Kita berharap usahawan negara mengeksploitasi aktiviti perniagaan mereka menggunakan mesin itu.

"Selain itu, usahawan tempatan juga boleh mengambil peluang untuk membuat, membekal dan menyediakan mesin berkenaan sama ada untuk kegunaan tempatan atau luar negara," katanya pada majlis pelancaran pameran 'Vending Asia 98' di sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi ExpoAge International, Mirzan Mahathir; Presiden Persatuan Usahawan Muda Malaysia, Tan Sri Lee Kim Yew; dan Pengarah Eksekutif ExpoAge, Irene Tay.

Mustapa berkata, kementerianya akan memberi tumpuan dalam bidang ini kerana ruang lingkup perniagaan itu luas membabitkan pelbagai bidang perniagaan di samping dapat mengurangkan kos dan buruh.

"Selain itu, usahawan tidak memerlukan ruang yang besar untuk berniaga selain menyediakan perkhidmatan secara cekap dan bersih.

"Perniagaan menggunakan mesin itu bukan saja untuk menjual minuman sebaliknya seperti yang diamalkan di negara luar, ia mampu menjual akhbar, makanan ringan, bunga dan polisi insurans yang boleh ditempatkan hampir di semua lokasi tumpuan orang ramai," katanya.

Negara seperti Jepun mempunyai satu mesin vending untuk 21 orang penduduknya berbanding Malaysia iaitu sa-tu mesin untuk 2,193 orang. Dianggarkan negara hanya mempunyai 9,000 mesin vending menjual minuman.

Menurutnya, usahawan tempatan juga perlu mengambil peluang menguasai pasaran mesin vending ini kerana negara Asean juga masih ketinggalan dalam bidang berkenaan berbanding negara maju.

"Perkara itu boleh dijayakan kerana negara seperti Singapura, Hong Kong, Thailand dan Malaysia mencapai tahap jualan bagi peralatan berasaskan pelaburan baru bernilai kira-kira AS3 bilion.

"Indonesia juga potensi besar yang perlu direbut oleh usahawan tempatan kerana potensi pasarannya menjangkau AS11.6 bilion, tidak termasuk perbelanjaan perkhidmatan lain serta baik pulih," katanya.

(END)